



ALBUM: Sesi Bergambar Majlis Perasmian Sukan UMS 2019 di antara semua mahasiswa UMS dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Majlis pelancaran Sukan UMS 2019 berjalan lancar dan meriah

UB 17.10.2019 15

KOTA KINABALU: Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan Majlis Pelancaran Sukan UMS 2019 iaitu Karnival Sukan Kolej Kediaman dan Liga Sukan Antara Fakulti.

Majlis ini berjalan dengan lancar dan meriah di mana perasmian program ini disempurnakan sendiri oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof Datuk

Dr Taufiq Yap Yun Hin dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi merangkap Pemangku Timbalan Naib Canselor HEPA Prof Madya Ts Dr Ramzah Dambul, Dekan Fakulti, pengetua Kolej Kediaman dan lain-lain lagi.

Dalam ucapan perasmianya, Taufiq menyatakan akan rasa gembira dan kagum dengan penyertaan

pelajar di dalam majlis berkenaan di mana pelajar khususnya daripada pelbagai latar belakang dapat berkumpul bersama-sama dan menjayakan program ini.

“Program sukan kebiasaannya akan mendapat tempat dalam kalangan mahasiswa mahasiswi selain mampu menyihatkan tubuh badan ia juga dapat mengisi masa lapang mereka mas-

ing-masing dengan baik.

Beliau juga turut menasihatkan kepada semua peserta yang bertanding sentiasa menjaga adab dan berhemah kepada semua sepanjang program itu berjalan.

Selesai Majlis Perasmian Sukan UMS 2019 ini akan diikuti dengan Karnival Sukan Kolej Kediaman UMS (KARSUKOL UMS) dan seterusnya diikuti dengan Liga Sukan Antara Fakulti.